

22 AUG 1996

Mahathir-Dedah

NAMA CALON ENGGAR ARAHAN PARTI AKAN DIDEDAH PADA PERHIMPUNAN AGUNG

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran keras kepada calon-calon bagi pemilihan Umno bahawa nama mereka akan didedahkan pada Perhimpunan Agung parti itu Oktober ini jika mereka melanggar arahan Majlis Tertinggi (MT) supaya jangan berkempen.

Perdana Menteri berkata, sudah berkali-kali penjelasan dan amaran diberikan tetapi masih ada yang terus berkempen dengan menggunakan pelbagai cara termasuk menggunakan wang untuk mendapatkan undi.

"Kalau saya dapat tahu nama dengan tepat, saya tahu ada bukti, saya akan dedah semua (pada Perhimpunan Agung Umno)," katanya kepada pemberita di Angkasapuri, di sini selepas rakaman ucapan Hari Kebangsaan yang ke-39.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, diminta mengulas cadangan beberapa calon supaya MT mengeluarkan garis panduan yang jelas mengenai cara berkempen yang dibenarkan.

Bagaimanapun MT sebelum ini sudah melarang sebarang bentuk kempen sama ada secara terang atau sulit berikutan adanya anggota yang dipilih sebagai perwakilan yang mengugut calon termasuk meminta wang jika mahukan undi mereka.

Dr Mahathir berkata, beliau akan meminta para perwakilan di Perhimpunan Agung supaya jangan mengundi mereka yang namanya telah didedahkan.

"Saya akan kata terang-terang bahawa orang yang berkempen, orang yang guna wang, jangan undi. Itu yang saya suruh di bahagian saya dan memangpun orang yang kempen macam tu tak menang (pada pemilihan untuk menjadi perwakilan bahagian," kata Dr Mahathir yang juga Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu.

Ketika ditanya sama ada pendedahan itu mungkin tidak adil dan akan menjejaskan peluang calon terlibat kerana ia dibuat pada saat-saat akhir, beliau berkata: "Kalau dia buat kita dedahlah, tujuannya memang untuk menjejaskan (peluang mereka)".

Dr Mahathir berkata, MT tidak perlu lagi mengeluarkan sebarang garis panduan kerana badan tertinggi parti itu sudah melarang semua bentuk kempen.

"Dah berpuluh garis panduan diberi, apa lagi hendak. Saya fikir orang yang semacam ini, yang tak faham ni, lebih baik tarik diri, tak usah bertanding," katanya.

Katanya, dakwaan kononnya arahan MT mengenai larangan berkempen itu tidak jelas cuma alasan golongan yang sengaja engkar kepada arahan parti.

"Kalau macam tu pun dia tak faham tak patut jadi pemimpinlah. Orang yang jadi pemimpin dia boleh tangkap (faham) dengan cepat. Ini kita bagi penjelasan dia kata tak jelas, itu alasan sahaja," katanya.

Ketika diberitahu bahawa ada juga anggota MT yang meminta garis panduan yang lebih jelas, Dr Mahathir berkata: "Yang (menjadi ahli) MT pun kalau dia tak faham, dia duduk dalam MT, dia dengar kita cerita dia tak faham juga, lebih baik tak payah jadi ahli MT".

Bagaimanapun, beliau mengulangi arahan MT bahawa seseorang calon bukan sahaja tidak boleh mengadakan perjumpaan secara besar-besaran malah pertemuan secara individu dengan perwakilan juga dilarang.

"Tak boleh kempen langsung. Bagi kad, pada saya semua itupun tak boleh," katanya. -- BERNAMA

AH NMO